

## LEMBAGA TABUNG HAJI



# SIDANG MEDIA BONUS PENDEPOSIT TABUNG HAJI 2015

Oleh

**YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**KHAMIS, 4 FEBRUARI 2016**

**DEWAN BESAR,  
LANTAI 1, BANGUNAN TABUNG HAJI  
JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

**JAM : 12.00 TENGAHARI**

**(SILA SEMAK SEMASA PENGUMUMAN DIBUAT)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim**

Pengerusi, **TH**;

**Yang Berbahagia Tan Sri Ismee Ismail**

Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif, **TH**;

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk ,**

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan **TH**;

Barisan Pengurusan Kanan **TH**, Wakil-wakil Media Massa, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh** dan terima kasih kerana sudi hadir membuat liputan pada hari ini.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat sama-sama berkumpul di sini untuk **Pengumuman Bonus Pendeposit TH bagi Tahun Kewangan 2015**.

Pengumuman bonus pendeposit kali ini tidak lewat seperti yang diperkatakan. Ianya adalah sama seperti pengumuman pada tahun-tahun sebelum ini yang selalunya dilakukan **TH** di antara bulan Januari hingga Mac.

Tidak dinafikan, tahun 2015 merupakan tahun yang amat mencabar bagi Malaysia. Kita dibelenggu oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, ditambah dengan kejatuhan harga minyak dan matawang serta kelembapan pasaran saham.

**TH** sendiri telah melalui pelbagai cabaran getir sewaktu Operasi Haji Musim 1436H lalu, seperti insiden Kren Tumbang di Masjidilharam dan Rempuhan di Mina yang telah meragut lapan (8) nyawa Jemaah Haji Negara kita. Alhamdulillah, tragedi yang berlaku, dapat kita hadapi bersama dengan baik, tanpa mengganggu kelancaran operasi haji secara keseluruhannya.

Sebelum saya mengumumkan bonus dan prestasi kewangan **TH**, ingin saya mengingatkan semua pendeposit bahawa simpanan mereka di **TH** adalah berlandaskan **konsep Al-Wadi'ah Yad Dhamanah** di mana simpanan dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan manakala **bonus** kepada pendeposit adalah **hibah atau hadiah** berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bicara **TH**.

Namun saya perhatikan pada setiap tahun, rata-rata pendeposit mengambil pendekatan bahawa 'hibah' ini adalah wajib dibayar oleh **TH**. Ingin saya tekankan sekali lagi, walaupun amalan pemberian hibah dibenarkan, ianya tidak boleh dijadikan sebagai amalan tetap bagi mengelakkan amalan tersebut dikira sebagai “**urf**” (kebiasaan) yang menyerupai syarat dalam kontrak deposit berasaskan wadi'ah.

Mensyaratkan pulangan dalam bentuk hibah terhadap simpanan wadi'ah boleh menjerumuskan akad tersebut ke dalam *riba* yang diharamkan syara' dan pulangan itu menjadi sesuatu yang tidak bersih.

Namun demikian, di sebalik semua celaan yang diterima, saya ingin berterima kasih kepada majoriti pendeposit yang sentiasa menyokong serta bersyukur di atas apa yang telah diterima dan dinikmati bersama hasil dari kejayaan **TH**.

Alhamdulillah meskipun dalam persekitaran yang mencabar dan tidak menentu pada tahun 2015 yang lalu, prestasi kewangan **TH** kekal berdaya tahan dengan rekod **pendapatan sebanyak RM4.47 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat mencecah RM3.53 bilion**. Ianya adalah pendapatan dan keuntungan tertinggi sejak 52 tahun **TH** beroperasi.

**Keuntungan bersih selepas zakat TH** telah merekodkan tahap baharu melebihi RM3 bilion. Keuntungan **TH** telah mencecah **RM3.53 bilion** berbanding **RM2.98 bilion** pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak **19%**.

Dengan prestasi tersebut, Keuntungan Boleh Agih atau Rizab Boleh Agih **TH** melonjak kepada **RM3.82 bilion**.

Prestasi ini telah menghasilkan penambahan nilai (value creation) sebanyak **RM18.31 bilion** kepada dana pendeposit dan peningkatan keuntungan **lebih lima kali ganda** sejak tahun 2006.

Hasil Strategi Alokasi Aset, pengurusan risiko serta tadbir urus yang baik dan pelaburan yang berhemah, secara langsung dan tidak langsung di dalam pelbagai sektor industri, **TH** terus berjaya menjana pulangan yang mampan.

## **BONUS TAHUNAN & HAJI TH**

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,**

Setiap tahun Kadar Bonus Tahunan **TH** adalah kompetitif walaupun profil pelaburannya adalah terhad kepada pelaburan berlandaskan Syariah dan simpanan di **TH** adalah seperti simpanan diperbankan lain, secara sukarela, tanpa had serta tiada syarat-syarat khas. Saya difahamkan kadar purata pulangan Simpanan Perbankan Islam pada tahun 2015 adalah antara 0.8% - 3.2% (Sumber BNM).

**TH** mengambil maklum pandangan kesemua pihak yang mengawal selia, Bank Negara Malaysia, dan apatah lagi mereka yang meragui akan daya tahan **TH** menghadapi cabaran mendatang, yang mungkin akan menjejaskan Rizab Boleh Agih **TH**.

Pada asalnya, **TH** merancang untuk mengagihkan keseluruhan keuntungan 2015 sebanyak **RM3.53 bilion** sebagai bonus, namun begitu setelah mengambil kira pandangan Bank Negara Malaysia dan prospek ekonomi tahun ini, **TH** akan menyimpan **RM300 juta** dari Keuntungan Boleh Agih tahun ini kepada Rizab Boleh Agih tersebut.

Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa **TH** akan mengagihkan **RM3.23 bilion** sebagai hibah/bonus kepada pendeposit. Seperti yang dinyatakan tadi, baki **RM300 juta** dari keuntungan tahun ini akan disimpan sebagai rizab.

Dengan jumlah ini, **Kadar Bonus Tahunan Pendeposit 2015** adalah **sebanyak 5% dan tambahan Bonus Haji** sebanyak **3%** kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan Fardhu Haji.

**Pembayaran Bonus 8%** ini akan memberi manfaat kepada **8.23 juta** pendeposit **TH** yang belum pernah menunaikan Haji.

Bonus ini juga telah mengambilkira **2.5% bayaran Zakat Perniagaan TH 2015** sebanyak **RM59.3 juta**. Bayaran zakat tersebut akan dibuat kepada semua Pusat Pungutan Zakat (PPZ) negeri-negeri.

Sehingga akhir 2015, **TH** mempunyai seramai **8.85 juta akaun** pen deposit yang aktif, di mana seramai **8.23 juta atau 93%** daripada jumlah keseluruhan ini adalah akaun pen deposit yang masih belum menunaikan haji.

Daripada jumlah **8.23 juta** pen deposit yang belum menunaikan haji, **7.55 juta (85%)** pen deposit mempunyai baki purata simpanan akaun kurang daripada bayaran haji sebanyak RM9,980, manakala selebihnya **685 ribu pen deposit (8%)** mempunyai baki purata simpanan melebihi bayaran haji tersebut.

### Carta Bonus

Tahun Kewangan	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Tarikh Umum Bonus	11 Feb	5 Feb	27 Feb	3 Feb	30 Jan	3 Feb	7 Feb	30 Jan	22 Jan	<b>4 Feb</b>
Kadar Bonus Tahunan	4.75%	5.00%	5.00%	5.00%	5.50%	6.00%	6.50%	6.00%	6.25%	<b>5.00%</b>
Kadar Bonus Khas/Haji	-	2.00%	-	-	-	-	1.50%	2.00%	2.00%	<b>3.00%</b>
Jumlah Keseluruhan Pembayaran Bonus TH (RM Juta)	634	1,051	900	1,067	1,332	1,678	2,458	2,632	3,237	<b>3,236</b>

**Para wakil media boleh merujuk kepada teks ucapan saya, lampiran mengenai pengiraan, carta perbandingan bonus dan prestasi kewangan. Bahagian tersebut akan dijelaskan oleh pihak pengurusan TH di sesi soal jawab nanti.**

## PRESTASI KEWANGAN 2015

Tahun	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
<b>Pendapatan (RM Juta)</b>	1,165	1,857	1,513	1,689	2,047	2,172	2,835	3,730	3,289	<b>4,467</b>
<b>Keuntungan bersih (RM Juta)</b>	641	1,071	1,001	1,119	1,497	1,689	2,146	2,634	2,979	<b>3,536</b>
<b>Jumlah Bayaran Bonus TH (RM Juta)</b>	634	1,051	900	1,067	1,332	1,678	2,458	2,632	3,237	<b>3,236</b>
<b>Bayaran Zakat (RM Juta)</b>	26	37	38	38	41	44	47	52	57	<b>59</b>
<b>Baki Rizab Boleh Agih (RM Juta)</b>	327	347	448	500	868	895	583	575	293	<b>593</b>

### Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Alhamdulillah, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, **TH** terus mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang dan berdaya tahan.

Bilangan pendeposit **TH** bertambah kepada **8.85 juta akaun**, manakala simpanan pendeposit telah meningkat hampir **empat kali ganda** sejak awal tahun 2006. **Dana terkumpul sebelum bayaran bonus pada akhir 2015 berjumlah RM59.33 bilion**, iaitu peningkatan **9%** berbanding tahun 2014 (RM54.36 bilion). Ini menunjukkan masih ramai yang yakin dan setia dengan **TH**.



**TH** telah berjaya mengoptimalkan pulangan kepada dana pendeposit dengan mencatat **keuntungan bersih selepas zakat** mencecah **RM3.53 bilion** berbanding **RM2.98 bilion** pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak **19%**.

Bayaran zakat **TH** juga meningkat sebanyak **4%** kepada **RM59.26** juta berbanding **RM57.00** juta pada tahun 2014.

Rizab Boleh Agih **TH** juga meningkat kepada **RM593** juta berbanding **RM293** juta tahun lalu.


**TH** juga telah berjaya melaksanakan perbelanjaan berhemah dengan membendung kos perniagaan dan mengawal kos-kos diluar kawalan yang sentiasa berubah dan meningkat.

Langkah-langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kemantapan pengurusan operasi, memacu **TH** untuk terus mengukuh kedudukan kewangannya bagi memastikan pulangan yang mampan.

## **SUMBER PENDAPATAN**

### **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**


Jumlah aset pelaburan **TH** pada tahun 2015 terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak 10% kepada RM59.94 bilion daripada RM54.55 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini adalah hasil alokasi taktikal pelaburan dan tabungan yang konsisten daripada para pendeposit **TH**.



Selaras dengan matlamat untuk memastikan sumber pulangan yang halal dan toyyiban, serta mengekal nilai simpanan para pendeposit, **TH** terus melabur dalam instrumen patuh syariah yang berisiko sederhana dan stabil.

Sumber utama pendapatan **TH** adalah terdiri daripada :-

1. Pelaburan ekuiti yang menyumbang 55% (2014: 46%)
2. Pelaburan sekuriti hutang 16% (2014: 20%)
3. Pasaran wang & instrumen kewangan lain 10% (2014: 13%).
4. Sewaan, Pembiayaan dan lain- lain 19% (2014: 21%)



Nilai aset tunai **TH** kukuh, dimana aset tunai 2015 telah meningkat kepada RM10.74 bilion daripada RM6.66 bilion pada 2014, iaitu peningkatan sebanyak RM4 bilion.

**TH** telah meningkatkan pelaburan hartanah sebanyak RM530 juta kepada RM5.73 bilion daripada RM5.20 bilion (2014).

**TH** menambah portfolio ekuiti sebanyak RM2.60 bilion kepada RM17.10 bilion berbanding RM14.50 bilion(2014).

Kesemua pihak sedia maklum bahawa isu-isu global yang melingkari ekonomi bukan sahaja di Malaysia malah pasaran serantau dan Asia Pasifik, pengukuhan Dolar Amerika berbanding matawang negara-negara lain, kejatuhan harga minyak mentah sejak suku ke-empat 2014, kejatuhan harga komoditi seperti minyak sawit, kelembapan ekonomi China dan sebagainya, telah mengakibatkan ketidakstabilan pasaran saham serantau termasuk Malaysia.

## SUBSIDI HAJI

**TH** tidak pernah lari dari tujuan asal penubuhannya. Kemampuan kewangan **TH** hasil dari aktiviti-aktiviti pelaburannya sentiasa disalurkan kepada pengurusan operasi hajinya setiap tahun.

**TH** terus akan mengekalkan Bayaran Haji sebanyak RM9,980 seorang Jemaah tahun ini, walaupun Kos Sebenar Haji pada Musim Haji 2016M/1437H ini meningkat kepada RM18,890 seorang. **TH** akan menanggung kos haji (subsidi) sebanyak RM8,910 seorang jemaah. **TH** dijangka akan menanggung keseluruhan kos subsidi sebanyak **RM160 juta** pada tahun ini. Ini adalah peningkatan sebanyak 27% berbanding tahun 2015.

Sejak tahun 2009, Bayaran Haji kekal RM9,980 dan kos keseluruhan subsidi Haji yang telah ditanggung selama 10 tahun adalah sebanyak **RM815 juta**. Ini membuktikan kedudukan kewangan **TH** yang kukuh serta mampan dan komitmen **TH** kepada para Jemaah Haji Negara saban tahun.

## TINJAUAN 2016

Cabaran ketidakstabilan ekonomi dunia dan juga dalam negara pada tahun lalu dijangka berterusan ke tahun 2016. InsyaAllah, **TH** percaya daya tahan dan kedudukannya yang baik mampu untuk terus mendokong amanah dan matlamat penubuhannya.

Pengekalan nilai simpanan pendeposit (*capital perservation*) dan pengurusan operasi haji sentiasa menjadi agenda keutamaan hasil pelaburan **TH**.

**TH** percaya Strategi Alokasi Asetnya kekal relevan dan berdaya tahan. Beberapa perubahan taktikal akan dilakukan dimana penumpuan diberi kepada aktiviti pelaburan dalam negara bagi mendokong hasrat kerajaan dalam merangsangkan ekonomi tempatan.

**TH** juga akan terus mendokong agenda Bumiputera serta pembangunan modal insan dengan pengambilan 700 graduan dibawah program SLIM.

**TH** juga akan memastikan saranan-saranan Kerajaan seperti yang diumumkan didalam bajet *recalibration* dilaksanakan sebaik mungkin.

## PENGHARGAAN

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Prestasi **TH** yang konsisten mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** dalam memastikan penjana pulangan yang baik dan mampan.

Para pendeposit perlu sedar 'hibah' atau hadiah yang diberi oleh **TH** tidak boleh kekal dengan kadar meningkat kerana ianya bergantung kepada kemampuan kewangan dari semasa ke semasa.

Saya ingin memberi peringatan bahawa tahun 2016, akan lebih mencabar buat semua, tidak terkecuali **TH** kerana pelaburannya yang terhad kepada sektor patuh syariah.

Saya percaya **TH** mampu mengurangkan impak tersebut dan berusaha sebaik mungkin untuk mengukuhkan kedudukan agar terus memperolehi pendapatan yang mampan.

Apa yang paling penting, ingin saya tekankan sekali lagi kepada semua pendeposit bahawa duit mereka yang sedia ada di dalam akaun termasuk bonus yang bakal dikreditkan adalah selamat dan dijamin oleh Kerajaan.

Saya percaya kejayaan **TH** adalah kejayaan semua dan terima kasih saya ucapkan atas sokongan pihak kerajaan terutamanya **YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak** yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya dan **TH**.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, Ahli-ahli Panel Pelaburan **TH**, Pihak Pengurusan dan para anggota **TH** yang telah memberi komitmen yang tinggi dan konsisten selama ini.

Pihak **TH** dan Kerajaan Malaysia juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pendeposit **TH** di atas kepercayaan dan sokongan berterusan yang diberikan kepada **TH**. Saya menyeru agar semua umat Islam di Malaysia untuk terus menyokong **TH**.

Para pendeposit boleh menyemak pengkreditan **Bonus Pendeposit TH 2015** di kaunter **TH** dan ATM bank-bank rakan strategik - Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic, selewat-lewatnya pada **Rabu, 10 Februari 2016** memandangkan cuti panjang sempena Tahun Baru Cina pada minggu hadapan.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat media yang sudi hadir, dan juga di atas kerjasama serta sokongan yang diberikan kepada **TH** selama ini.

Sekian,

Saya sudah dengan **Wabillahittaufiq Walhidayah**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

-TAMAT-